

Ruj. Kami : MQAD.100-1/3/1 (1)

Tarikh : 16 Julai 2025

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 6/2025

PENGUNAAN STANDARDS: MASTER'S AND DOCTORAL DEGREES OF PROFESSIONAL PRACTICE

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagai makluman, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerbitkan Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (Standards: Master's and Doctoral Degree, SMDD) Edisi Kedua pada tahun 2021 sebagai rujukan utama kepada semua Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam penawaran program Tahap Ijazah Sarjana (Tahap 7) dan Kedoktoran (Tahap 8) di Malaysia.

3. Namun, berdasarkan keputusan Mesyuarat Penyelarasan Isu-Isu *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) pada 20 November 2024, MQA telah diminta untuk membangunkan dokumen khusus bagi program TVET Tahap 7 dan 8, Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) bagi memperkukuh pelaksanaan program TVET di peringkat lebih tinggi. Sehubungan itu, MQA telah membangunkan dokumen ini sebagai panduan khusus bagi penawaran program TVET di peringkat pascasiswazah.

4. Selain itu, rentetan daripada inisiatif terdahulu yang memperkukuh Standard TVET ke Tahap 6, MQF melalui pembangunan *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* (COPTPA) Edisi Kedua, MQA kini melangkah setapak lagi dengan memperluaskan skop kelayakan TVET ke peringkat pascasiswazah. Standard bagi Tahap 7 dan 8 ini dibangunkan sebagai kesinambungan dalam usaha memastikan laluan pendidikan TVET yang lebih holistik dan selari dengan keperluan semasa. Selaras dengan itu, Tahap 7 dan 8 juga telah dimasukkan secara rasmi dalam **Jadual MQF** seperti yang dilampirkan.

5. Dokumen ini dibangunkan berpandukan kepada tujuh bidang jaminan kualiti di Malaysia berdasarkan Kod Amalan MQA dan menepati kehendak serta keperluan MQF Edisi Kedua 2024. Dokumen ini menggariskan standard minimum yang perlu dipatuhi oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam merancang, membangunkan dan menawarkan program TVET Tahap 7 dan 8 bagi memastikan ianya selaras dengan piawaian kualiti pendidikan tinggi yang ditetapkan.

6. Dokumen ini akan menjadi rujukan kepada PPT dan panduan kepada pegawai serta Ahli Panel Penilai (APP) MQA dalam proses penilaian akreditasi program. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur, konsisten dan berpandukan kepada standard ini diharapkan dapat menghasilkan graduan TVET yang berkualiti. PPT yang menawarkan program TVET Tahap 7 dan 8 adalah tertakluk kepada penggunaan standard ini dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh.

7. Dokumen ini juga perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF, dokumen jaminan kualiti yang berkaitan serta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi semasa. **Sekiranya terdapat perbezaan antara standard ini dengan standard/dasar yang ditetapkan oleh MQA dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), maka standard yang lebih tinggi adalah terpakai kecuali dinyatakan sebaliknya.** Walau bagaimanapun, PPT boleh membuat penambahan elemen-elemen lain yang bersesuaian selaras dengan aspirasi institusi dan keperluan nasional serta antarabangsa.

8. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap standard ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

9. Standard ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

7. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
8. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK
9. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, PULAU PINANG
10. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Johor Bahru
JOHOR
11. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar International Medical University (IMU)
No.126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
12. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

13. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
14. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR
15. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
16. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK
17. Presiden
Society for Malaysian Higher Education Institutions Quality Assurance
Network (MyQAN)
UCSI University
No. 1, Jalan Menara Gading
UCSI Heights (Taman Connaught)
56000 CHERAS, W.P. KUALA LUMPUR

LAMPIRAN

Jadual Kerangka Kelayakan Malaysia 2025

MQF Level	Minimum Graduating Credit	Academic Sector	TVET Sector
8	No credit rating	PhD by Research	Doctoral Degree
	80	Doctoral Degree by Mixed Mode & Coursework	
7	No credit rating	Master's by Research	Master's Degree
	40	Master's by Mixed Mode & Coursework	
	30	Postgraduate Diploma	
	20	Postgraduate Certificate	
6	120	Bachelor's degree	Bachelor's degree
	64*	Graduate Diploma	Graduate Diploma
	34*	Graduate Certificate	Graduate Certificate
5	40	Advanced Diploma	Advanced Diploma
4	90	Diploma	Diploma
3	60	Certificate	Certificate
2	30	Certificate	Certificate
1	15	Certificate	Certificate